

# **KEFAHAMAN NAHU ARAB DAN SEJARAH PERKEMBANGANNYA DALAM MENENTUKAN PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH**

**Solehah Yaacob**

Jabatan Bahasa Arab & Kesusasteraan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

[Solehah71@gmail.com](mailto:Solehah71@gmail.com)

## **ABSTRAK**

*Isu Kalimah Allah kurang diberi pendedahan berdasarkan kaedah bahasa dan sejarah penggunaannya. Kebanyakan isu-isu yang dikemukakan untuk mempertahankan kalimah Allah ini samada di pihak kerajaan atau pembangkang hanyalah berdasarkan faktor-faktor perundungan dan akidah semata-mata. Penulis melihat pendekatan ini tidaklah tepat memandangkan isu yang dibincangkan ini bukanlah perkara yang menyentuh tentang hukum-hakam atau ketauhidan seseorang malah isu kalimah Allah ini adalah satu perbincangan dalam menentukan penggunaan ‘Istilah’. Maka rujukan metod perlulah tepat untuk membuktikan samada kalimah ini telah digunakan sebelum kedatangan Islam atau tidak. Bermaksud, kajian terhadap sejarah perkembangan bahasa Arab, penulisan dan nahunya perlu diberi perhatian untuk memperolehi data yang tepat. Justeru itu, makalah ini cuba menyingkap beberapa maklumat perkembangan bahasa Arab yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.*

**Kata Kunci:** Huruf-Huruf Arab, Penulisan Asal, Tanda Baris dan Titik, Selepas Kerasulan Nabi Muhammad SAW

---

## **1. Pendahuluan**

Perkataan `الله` pada hakikatnya berasal dari perkataan ﷺ berasal dari wazan فَعَلْ yang kemudian berubah ke wazan مَلُوْءَةٌ مَفْعُولٌ atau مَلُوْءٌ bermakna yang disembah (Ibnu Manzur, 1999). Adapun Arab Jahiliyah telah menggunakan perkataan لام dengan membuang perkataan `Lam` kedua dan pertama pada kalimah Allah, bertujuan untuk meringankan sebutan (Sibawaih, 1999) tapi penulis berpendapat konsep nahu Arab pada ketika itu masih tidak sistematik. Kabilah Arab yang terdahulu (Sebelum turun al-Quran) menyebutnya sebagai لام أبوك أبوك perkara ini telah dibincangkan oleh Sibawaih di dalam bukunya al-Kitab (Sibawaih, 1999) begitu juga as-Suyuti telah memetik kata-kata ini dalam bukunya al-Hama` (As-Sayuti, 1998). Ini bermakna apabila perkataan لام ini sempurna atau `complete in nomanative rules apabila ia disebut `الله` yang mana iaNYA digunakan di dalam al-Quran sahaja. Maka Kitab-kitab sebelum al-Quran tidak menggunakan perkataan الله.

## **2. Sebab-Sebab Penulisan Arab dan Nahunya**

Sebab-sebab penciptaan ilmu nahu Arab, penulisan huruf-huruf Arab dan tanda-tanda bacaan untuk membezakan sebutan di antara huruf-huruf Arab adalah di sebabkan terdapat kesalahan berbahasa di kalangan bangsa Arab di zaman Rasulullah SAW (Shawqi Daif, 1995). Keadaan ini telah terbukti apabila terdapat seorang lelaki di zaman Rasulullah telah salah ketika bercakap dari sudut baris dan sebutan huruf maka Rasulullah berkata : `bimbanglah saudara kamu semua, sesungguhnya dia dalam kesesatan` ( Abu Tayib al-Lughawi, 1955). Begitu juga keadaan yang sama berlaku di zaman umar al-

---

khattab sehingga Umar berpendapat penulisan merupakan suatu bentuk senjata yang boleh memerangi musuh. Contoh yang cukup jelas bagi membuktikan kesalan berbahasa merupakan suatu bala yang cukup besar pada ketika itu (Shawqi Daif, 1995). Diriwayatkan bahawa pada suatu hari seorang lelaki telah bertanya Yahya bin Ya'mar adakah Hajjaj Yusuf at-Thaqafi telah melakukan kesalahan bahasanya ketika berkhutbah? Maka jawab Yahya: Ya, ketika beliau membaca firman Allah Taala surah Taubah ayat 24: **(فُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَرْزَاقُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالُ أَقْرَبْفُلْمُوْهَا وَتَجَارَةُ تَخْسُونَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضُونَهَا أَحَبُّ إِلَيْكُم مَّنْ أَللَّهُ وَرَسُولُهُ وَجَهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْفُلْقَمَ الْفَاسِقِينَ)** Beliau telah mendhommahkan **أَحَبُّ** pada hakikatnya dibaca dengan nasab kerana ia merupakan untuk bukannya dibaca dengan الرفع (As-Sirafi, 1985). Sekiranya Hajjaj Yusuf at-Thaqafi merupakan seorang yang masyhur dari sudut khitobah, bayan, fasohah dan balaghah telah melakukan kesalahan membaca harakat al-Quran maka perkara begini sudah menjadi kebiasaan terhadap orang-orang awam pada ketika itu. Selain itu perkawinan campur di antara bangsa Arab dan Ajam juga merupakan sumbangsan lain terhadap berleluasa kesalahan berbahasa di kalangan bangsa Arab, sebagaimana keadaan ini berlaku kepada al-Walid bin Abdul Malik yang mana ibunya merupakan seorang perempuan berbangsa Rom, hasil didikkan dari ibu yang bukan berbangsa Arab menyebabkan beliau banyak melakukan kesalahan ketika bertutur di dalam Bahasa Arab (Abu Tayyib al-Lughawi, 1955). Dari contoh-contoh yang dikemukakan di atas, jelaslah penulisan Bahasa Arab yang lengkap tidak pernah berlaku sebelum zaman Rasulullah, begitu juga di zaman beliau penulisan Arab masih tidak lengkap apabila kebanyakannya huruf-huruf al-Mu'jamah masih lagi tidak bertitik atau bernoktah, ini menyukarkan kaedah pertuturan di dalam Bahasa Arab (Shawqi Daif, 1995). Begitu juga dengan huruf-huruf al-Muhmalah masih juga terkeliru baris-barisnya yang mana huruf-huruf ini mula dicipta titik-titiknya oleh anak-anak murid Abu al-Aswad ad-Duali iaitu Nasar bin Asim, Yahya bin Ya'mar (Ibnu salam, 1994). Hakikatnya tanpa titik huruf-huruf ini tidak dapat dibezakan kecuali mereka yang menghafaz al-Quran sahaja. Namun begitu bilangan mereka yang menghafaz al-Quran semakin hari semakin sedikit, ini di sebabkan syahid di medan perang, maka pemerintah pada ketika meminta supaya huruf-huruf ini dititikkan dan ditarikhkan (Shawqi Daif, 1995). Oleh itu sekiranya kalimah Allah ini telah digunakan sebelum kerasulan Nabi Muhammad SAW atau sebelum turunnya al-Quran, ianya sama sekali tidak masuk akal, kerana penulisan Bahasa Arab yang lengkap hanya terjadi sesudah zaman Khalifah ar-Rashidin.

### **3. Penulisan Arab Lengkap dan Nahu Berlaku Sesudah Zaman Khulafa` Ar-Rashidin**

Disebabkan keimbangan yang ketara terhadap kerosakan Bahasa yang berlaku dikalangan bangsa Arab menyebabkan mereka mencipta kaedah penulisan yang jelas bagi membezakan huruf-huruf Arab disamping memperkuuhkan lagi sistem nahu Arab dengan meletakkan harakah-harakah tertentu untuk memudahkan penggunaan dan pembelajaran Bahasa Arab dan nahunya (Shawqi Daif, 1995). Ini tidak mesti tidak telah mempertingkatkan pemikiran bangsa Arab melalui kritikkan-kritikkan yang membina telah menjadikan bangsa Arab dikagumi oleh dunia luar melalui tokoh-tokoh ulamanya yang hebat seperti Abu al-Aswad Ad-Duali, Abu Ishaq al-Hadrami, Khalil Ahmad al-Farahidi, Al-Kisaa` dan lain-lain lagi.

### **4. Kesimpulan dan Cadangan**

Penggunaan huruf-huruf Arab yang lengkap hanya berlaku selepas zaman Khulafa` Ar-Rashidin. Adapun di Zaman Rasulullah SAW huruf-huruf Arab ini masih belum mampunya titik atau noktah dan begitu juga tanda-tanda harakah seperti dhommah, fathah, kasrah, jazm tashdid dan sebagainya ternyata sekali tidak terdapat di zaman Rasulullah SAW. Sekiranya ini ternyata benar maka kalimah Allah ternyata hanya telah digunakan ketika turunnya al-Quran iaitu ketika kerasulan Nabi Muhammad SAW dan bukan sebelumnya, ini kerana kalimah 'الله' ini merupakan suatu kalimah yang

terlalu sempurna atau ‘perfect match’ kerana terdiri dari ال takrif, takrif, الـal-jar dan التـashdid yang mana tidak terdapat di dalam tulisan-tulisan syair Arab, perkara ini dapat diperhatikan di dalam manuskrip penulisan syair oleh Imru` al-Qais yang bertarikh kurun ketiga Masehi dan manuskrip Ummu al-jamal yang bertarikh kurun ke lima Masehi (Nasruddin Ibrahim, 2008, ). Sekiranya terdapat perkataan ﷺ telah digunakan oleh penyair-penyaier Jahiliyah, itu tidak bermakna penyair itu menggunakan perkataan ﷺ bahkan ia adalah illustrasi perterjemah manuskrip tersebut yang hidup selepas zaman Khulafa` ar-Rashidin ini kerana ketidaksempurnaan struktur penulisan pada zaman sebelum itu (Ibrahim Domrah, 1987). Ini terjadi kerana Bahasa ini juga merupakan suatu penggabungan antara lafaz dan logik (Solehah, 2013) yang memerlukan kepada kefahaman makna semasa berdasarkan kefahaman Umat manusia yang hidup pada ketika itu terhadap penggunaan kalimah tersebut. Berkemungkinan sekiranya kalimah ﷺ digunakan di zaman Jahiliyah mereka tidak menyebutnya ﷺ bahkan hanya menyebut ﷺ kerana sebutannya ringan manakala sebutan ﷺ itu berat (Sibawaih, 1999). Oleh itu jelaslah kepada kita bahawa penggunaan kalimah ﷺ hanya berlaku sesudah turunnya al-Quran dan penggunaanya adalah hanya untuk umat Islam sahaja.

## Rujukan

- Abu Tayyib al-Lughawy. (1955). Maratib an-Nahwiyyina. Maktabat an-Nahdah. Egypt, 5,7-9.
- As-Sayuti. (1998 ). Al-Hama` al-Hawami` .Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Beirut, Juzuk 2 ms 359.
- As-Sirafi. (1985). Akhbar an-Nahwiyyina al-Basriyyina. Dar al-Itisam. Egypt, 34-37.
- Chomsky, Noam. (1965). Aspects of The Theory of Syntax. The MIT Press. Massachusetts, Pp. 3-33.
- Ibnu Manzur. (1999) . Lisaan al-Arab. Dar Ihya` at-Turath al-Arabi. Beirut, 188-195.
- Ibrahim Domrah. (1987). Al-Khat al-Arabi: Juzuruha Wa tatowwuruha, Maktabat al-Manar. Jordan, 11-29.
- Nasruddin Ibrahim. (2008). An-Naqd al-Manhaji Fi Kutub at-Tabaqat as-Shuara` . Inter. Islamic University Malaysia. Malaysia, 39-42, 47.
- Shawqi Daif. (1995). Al-Madaris an-Nahwiyyah. Dar al-Maarif. Egypt, 14-17.
- Sibawaih. (1999). Al-Kitab. Dar al-kutub al-Ilmia. Beirut, Juzuk 2 ms 112 & 163, Juzuk 3 ms 554.
- Solehah, Yaacob. (2013). Linguistic Argumentation and Logic: An Alternative Method Approach in Arabic Grammar, Argument: Biannual Philosophical Journal, Poland, 3(2), 407- 430.